

24/08/2001

Pelabur Jerman tidak percaya laporan negatif media Barat

PUTRAJAYA, Khamis - Pelabur Jerman masih menganggap Malaysia sebagai destinasi pelaburan yang baik dan menguntungkan, walaupun laporan media Barat memberi gambaran negatif mengenai negara ini.

Pengarah Eksekutif Dewan Perniagaan dan Industri Malaysia-Jerman (MGCC), Dr Rainer Herret, berkata kehadiran kira-kira 300 syarikat Jerman yang berjaya di negara ini adalah bukti nyata.

Malah, katanya, sebuah syarikat Jerman yang melabur di Negeri Sembilan mampu mendapatkan semula modal hanya dalam tempoh setahun beroperasi.

"Kami tidak berkongsi pandangan kritikal media Barat terhadap Malaysia. Jika keadaan adalah sebaliknya, tentulah kami tidak akan kekal di negara ini, tentulah kami tidak akan membawa isteri dan anak kami ke sini.

"Ini adalah perakuan masyarakat perniagaan Jerman," katanya pada sidang akhbar di Jabatan Perdana Menteri di sini, petang ini.

Sebelum itu, Herret bersama Duta Besar Jerman ke Malaysia, Jurgen Stake, dan 10 lagi anggota MGCC mengadakan perbincangan selama sejam dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pertemuan itu adalah atas permintaan MGCC bagi bertukar pandangan dengan Dr Mahathir yang juga Menteri Kewangan. Jerman adalah negara perdagangan kedua terbesar Malaysia di kalangan negara Kesatuan Eropah.

Dr Mahathir akan mengadakan lawatan rasmi ke Jerman mulai 20 September depan dan akan menemui Canselor Gerhard Schroeder di Berlin. Sebelum itu, Perdana Menteri akan ke Munich pada 18 September bagi menghadiri Forum Perniagaan Malaysia-Jerman.

Herret berkata, pihaknya juga menawarkan bantuan untuk memperjelaskan kepada tiga juta syarikat Jerman mengenai kelebihan Malaysia sebagai negara pelaburan yang baik di rantau ini.

Katanya, banyak syarikat Jerman tidak mengetahui mengenai Malaysia dan usaha promosi perlu dipertingkatkan, lebih-lebih lagi dengan saingan sengit negara lain di rantau ini.

"Kami mampu membuatkan mereka yang langsung tidak yakin supaya mempercayai kami...Sekarang ada 300 syarikat Jerman yang berjaya di Malaysia, mengapa tidak jadikan jumlahnya 600," katanya sambil menambah mereka akan turut membantu mempromosikan industri pelancongan Malaysia.

Herret berkata, Malaysia mempunyai prasarana yang maju selain destinasi pelancongan menarik yang berpotensi mengatasi destinasi tradisional seperti Thailand dan Singapura.

Katanya, Menara Berkembar Petronas dan perlumbaan Formula 1 banyak membantu mempromosikan negara ini kepada 85 juta rakyat Jerman yang sebelum ini tidak mengenali Malaysia.

"Malaysia kini lebih dikenali...gambaran yang dipaparkan di seberang laut benar-benar membantu," katanya merujuk projek mega yang dikritik pihak asing sebagai pembaziran.

(END)